

# Seks bebas, rokok punca kanser serviks

**Kota Samarahan:** Hubungan seks bebas ketika remaja menjadi antara faktor wanita dijangkiti Human Papilloma Virus (HPV) hingga menyebabkan mereka menghidap kanser pangkal rahim atau servik.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Mohd Fadzil Abd Rahman, berkata kajian menunjukkan ramai wanita yang menghidap penyakit berkenaan mempunyai latar belakang pergaulan bebas ketika remaja.

"Wanita yang mempunyai ramai pasangan seks atau diterima daripada lelaki yang aktif dalam aktiviti seks bebas

terdedah kepada HPV. Selain itu, kanser serviks berlaku kerana wanita itu seorang perokok atau mempunyai sejarah jangkitan penyakit kelamin," katanya pada Majlis Pelancaran Program Vaksinasi HPV di UNIMAS, semalam.

Mohd Fadzil berkata, bagi menangani masalah jangkitan itu, remaja perlu menjalani cara hidup yang baik dan tidak mendedahkan diri dengan pergaulan seks bebas.

"Semua agama melarang hubungan seks bebas yang menjadi punca bermulanya penyakit itu. Dengan menjalani kehidupan mengikut ajaran agama, penyakit berkenaan boleh dihindari," katanya.



Mohd Fadzil melihat seorang pelajar menerima **suntikan vaksin HPV**, di UNIMAS semalam.

[FOTO MAS ADIB SAIE/BH]

Program itu diadakan UNIMAS dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Semalam, seramai 200 daripada 951 pelajar wanita UNIMAS yang lahir

pada 1993 menerima suntikan HPV, selebihnya akan menerima suntikan sebelum akhir tahun ini.

Turut hadir, Ketua Bahagian HEPA, Zuraidah Abas dan Ketua Pegawai Perubatan, Dr Zahara Abd Manap.